

Buka tapak pasar tani di UniSZA

Fama alu-alukan lebih ramai peniaga jalankan perniagaan di pekarangan Masjid UniSZA

SINAR HARIAN
5/10/2016

GONGBADAK - Kawasan di pekarangan Masjid Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA), di sini, dipilih sebagai lokasi terbaru pasar tani Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di daerah ini.

Pasar tani ketujuh yang beroperasi sekali seminggu iaitu pada hari Jumaat itu merupakan satu lagi pendekatan yang diambil bagi membekalkan barang keperluan harian segar kepada komuniti setempat.

Pegawai Fama Kuala Terengganu/ Kuala Nerus, Abd Ghani Zainal berkata, buat

permulaan seramai 25 peniaga mengambil bahagian.

"Kita jangka akan ada pertambahan peniaga pada minggu seterusnya berikutan sambutan menggalakkan yang diterima.

"Pembukaan pasar tani ini juga adalah atas permintaan daripada UniSZA bagi memeriahkan lagi kawasan kampus memandangkan setiap Jumaat turut diadakan ceramah kepada orang ramai.

"Oleh itu, kita harap dengan adanya pasar tani ini secara tidak langsung akan dapat menampung keperluan harian kepada penduduk dan pelajar yang tinggal di dalam kampus,"

katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya lagi, pihaknya berharap untuk menawarkan lebih banyak produk terutamanya yang dihasilkan sendiri petani bagi menambah pendapatan kepada golongan itu.

"Tapak ini mampu menampung sehingga 60 peniaga dan kita mengalu-alukan kepada mana-mana pihak yang ingin bermiaga di pasar tani kita ini," katanya.

Sementara itu, bersempena promosi pembukaan pasar tani berkenaan pada Jumaat lalu, Fama turut menyediakan sebanyak 50 kilogram buah-buahan secara percuma.



Pengunjung tidak melepaskan peluang mendapatkan pelbagai barang keperluan segar di pasar tani UniSZA.